



NEGERI BRUNEI

E 6 TAHUN 1980

**UNDANG2 JURU UKOR TANAH YANG
BERLESEN, 1979**

Beta bersetuju,



HASSANAL BOLKIAH
*Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan*

Satu Undang2 untuk membuat sharat bagi meleseni dan mengawal juru2 ukor tanah dan perkara2 yang berkaitan dengan-nya.

[18 — 3 — 80]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti yang berikut:—

Gelaran pendek
dan permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Juru Ukor Tanah Yang Berlesen, 1979, dan hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya pada sa-suatu tarikh yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mene-tapkan. [hb. Julai , 1980] S.SA/80

Tafsiran.

2. Di-dalam Undang2 ini, kechuali jika maksudnya berkehendakkan ma'ana yang lain —

“Lembaga” berma'ana Lembaga Juru2 Ukor Tanah yang di-tubohkan di-bawah bab 3;

“tanda sempadan” berma'ana sebarang tanda yang di-benarkan oleh Undang2 bagi maksud membuat sempadan2;

“juru ukor Kerajaan” berma'ana mana2 pegawai Kerajaan Negeri yang pada masa itu di-benarkan oleh Juru Ukor Agong untuk menjalankan sebarang pengukoran geran;

“lesen menjalan tugas” berma'ana lesen untuk menjalankan tugas sebagai juru ukor tanah yang berlesen yang di-keluarkan di-bawah sharat2 bab 7;

“juru ukor tanah yang berlesen” berma'ana sa-saorang yang nama-nya telah di-masukkan di-dalam Daftar dan kepada siapa satu lesen menjalankan tugas telah di-berikan oleh Lembaga;

“Daftar” berma'ana daftar juru2 ukor tanah yang berlesen yang di-simpan menurut bab 4;

“Juru Ukor Agong” berma'ana pegawai yang pada masa itu menjalankan tugas2 ketua Jabatan Ukor Negeri Brunei;

“pelan pengukoran” berma'ana pelan yang di-tanda-tangani oleh sa-saorang juru ukor tanah yang berlesen yang menchatetkan kerja2 yang di-jalankan oleh-nya mengenai pengukoran geran, atau pelan yang di-tanda-tangani oleh sa-saorang pegawai yang di-benarkan oleh Juru Ukor Agong untuk berbuat demikian dan menchatetkan kerja2 juru ukor Kerajaan;

“pengukoran geran” berma'ana sebarang pengukoran yang di-kehendakki oleh

mana2 undang2 bertulis bagi maksud atau berkaitan dengan pendaftaran sebarang geran tanah atau sebarang jaminan atau surat yang menyentoh atau di-sifatkan menyentoh geran tanah dan termasuk-lah yang berkaitan dengan-nya —

- (a) penentuan sempadan2 bagi sebarang tanah sama ada kepunyaan sendiri atau tidak;
- (b) perletakan, penggantian dan pemindahan tanda2 sempadan;
- (c) pengukoran2 yang dikehendakki bagi hubongan antara sempadan2 atau tanda2 sempadan yang betul;
- (d) penandaan dan penchatetan segala ukuran dan pengiraan yang berkenaan dengan-nya dan pelukisan serta penyalinan pelan2 daripadanya.

**Penubohan
Lembaga bagi
maksud2
Undang2 ini.**

3. (1) Bagi maksud2 Undang2 ini maka hendak-lah di-tubohkan sebuah Lembaga, yang akan di-kenali sebagai Lembaga Juru2 Ukor Tanah, yang mana hendak-lah terdiri daripada Juru Ukor Agong selaku Pengerusi dan tidak kurang daripada empat ahli lain yang Sultan dalam Majlis Mashuarat mungkin dari masa ka-semasa melantek.

(2) Pengerusi, jika hadzir, atau semasa ketiadaan-nya juru ukor Kerajaan kanan yang hadzir, hendak-lah mempengerusikan mashuarat2 Lembaga.

(3) Pengerusi berserta dengan dua orang ahli lain ada-lah merupakan koram tetapi terta' alok kepada sharat itu Lembaga boleh bertindak walau pun ada kekosongan dalam bilangan mereka dan boleh menyusun peratoran2-nya sendiri.

(4) Segala perlantekan kapada Lembaga hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*.

**Daftar
hendak-lah
di-simpan.**

**Juru Ukor Agong
akan menjadi
Pendaftar.**

4. Lembaga hendak-lah menyebabkan supaya sa-buah Daftar di-simpan mengikut bentok yang di-tentukan dalam Jadual Pertama dan bayaran sebanyak satu ratus ringgit hendak-lah di-kenakan bagi tiap2 pendaftaran.
5. (1) Juru Ukor Agong hendak-lah menjadi Pendaftar bagi Juru2 Ukor Tanah Yang Berlesen, dan hendak-lah menyebabkan supaya di-siarkan—
 - (a) dalam *Warta Kerajaan* yang akan datang berikutan dengan tarikh pendaf-taran, nama tiap2 juru ukor tanah yang berlesen yang telah di-daftarkan;
 - (b) di-dalam *Warta Kerajaan* keluaran bulan Januari tiap2 tahun satu senarai yang mengandungi nama2 semua juru ukor tanah yang berlesen yang maseh ada dalam Daftar pada penghujung tahun yang lalu.
- (2) Pendaftar hendak-lah —
 - (a) menyimpan Daftar itu dengan betul menurut sharat2 Undang2 ini;
 - (b) menyebabkan supaya chatetan di-buat dalam Daftar itu jika berlaku pembatalan atau penggantongan mana2 lesen untuk menjalankan tugas;
 - (c) memotong dari Daftar nama se-siapa jua pun, yang bukan juru ukor Kerajaan, yang lesen-nya untuk menjalankan tugas telah tidak di-baharui sabelum satu haribulan Februari dalam seba-rang tahun;
 - (d) memasukkan semula ka-dalam Daftar mana2 nama yang telah di-potong dari Daftar itu dengan atau tanpa bayaran2 yang di-tetapkan.

Orang² yang
berhak
di-daftarkan.

6. (1) Di-dalam bab ini perkataan² "orang yang layak" berma'ana sa-saorang yang —

- (a) telah menchapai umor dua puloh satu tahun;
- (b) berkelakuan baik; dan
- (c) telah lulus sasuatu pepereksaan professional yang di-iktiraf oleh Lembaga.

(2) Sesiapa jua yang menuntut sebagai saorang yang layak boleh memohon kapada Lembaga supaya nama-nya di-masokkan ka-dalam Daftar dan hendak-lah melampirkan kapada permohonan-nya —

- (a) surat beranak-nya atau bukti lain yang dia telah menchapai umor dua puloh satu tahun;
- (b) dua surat akuan yang belum lama la*ri* berkenaan dengan kelakuan-baik-nya; dan
- (c) bukti yang dia telah lulus sasuatu pepereksaan professional yang di-iktiraf oleh Lembaga.

(3) Lembaga, satelah berpuas hati bahawa mana² pemohon di-bawah cheraian (2) ada-lah saorang yang layak dan bahawa dia ada-lah saorang yang nama-nya mungkin sa-layak-nya di-masokkan ka-dalam Daftar, hendak-lah mema'alomkan pemohon itu sechara bertulis bahawa permohonan-nya ada-lah di-benarkan; dan dalam mana² perkara lain Lembaga hendak-lah mema'alomkan pemohon bahawa permohonan-nya ada-lah di-tolak.

(4) Sa-saorang pemohon yang permohonan-nya telah di-benarkan di-bawah cheraian (3) dan telah membayar bayaran pendaftaran yang di-tetapkan boleh membuat dan menanda-tangani, di-hadapan Pendaftar, pengakuan dengan sasunggoh-nya dalam borang yang di-tentukan

dalam Jadual Kedua, dan tatkala itu Pendaftar hendak-lah memasukkan nama pemohon itu ka-dalam Daftar.

(5) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandong di-dalam sharat2 bab ini yang di-sebutkan tadi, Pendaftar boleh memasukkan nama mana2 juru ukor Kerajaan ka-dalam Daftar oleb sebab jawatan-nya dan tiada sebarang bayaran pendaftaran kena di-bayar berthabit dengan pendaftaran sademikian.

Lesen untuk menjalankan tugas.

7. (1) Lembaga hendak-lah, atas pembayaran bayaran lesen yang di-tetapkan oleh sesiapa jua (selain dari sa-saorang juru ukor Kerajaan) atas pendaftaran-nya di-bawah bab 6 atau pada bila2 masa dalam tahun pendaftaran-nya, mengeluarkan kapada orang tersebut satu lesen untuk menjalankan tugas dalam bentuk yang di-tetapkan dan sah bagi tahun pendaftaran-nya.

(2) Tiap2 orang sademikian yang bertujuan hendak terus menjalankan tugas sebagai juru ukor tanah yang berlesen salepas itu hendak-lah memohon pada tiap2 tahun mengikut chara yang di-tentukan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan tugas dan hendak-lah membayar bayaran yang di-tetapkan berthabit dengan-nya.

(3) Sasuatu lesen untuk menjalankan tugas di-bawah cheraian (2) hendak-lah di-keluarkan oleh Pendaftar dan ada-lah sah daripada tarikh pengeluaran sahingga penghujung tahun itu:

Dengan sharat bahawa apa jua lesen sedemikian yang di-keluarkan dalam bulan Januari adalah di-anggap telah berkuatkuasa daripada hari yang pertama dalam bulan itu.

Tugas2 juru ukor tanah yang berlesen.

8. (1) Terta'alok kapada sharat2 Undang2 ini, sa-saorang juru ukor tanah yang berlesen yang nama-nya tertera di-dalam Daftar dan yang telah membayar bayaran lesen tahunan berthabit dengan tahun itu ada-lah berhak untuk menjalan-

kan tugas-nya sebagai juru ukor tanah dan adalah di-benarkan untuk menjalankan pengukoran2 geran.

(2) Tiada sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini boleh menyentoh hak Juru Ukor Agong untuk mempergunakan juru2 ukor Kerajaan, sama ada juru2 ukor tanah yang berlesen atau tidak, bagi menjalankan apa pun jua jenis pengukoran geran.

(3) Tiada sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini boleh menyentoh hak sasiapa pun jua, yang bukan saorang juru ukor tanah yang berlesen untuk menjalankan pengukoran2 selain dari pengukoran2 geran.

(4) Sa-saorang juru ukor tanah yang berlesen dan penolong2-nya boleh, bagi maksud menjalankan sasuatu pengukoran geran, pada bila2 masa yang berpatutan di-waktu siang hari memasuki semua tanah yang dia di-tugaskan mengukor, dan memasuki mana2 tanah yang berhampiran dan boleh meletak apa jua tanda sempadan di-dalam atau di-atas tanah2 tersebut dan boleh menggali keluar sebarang tanda tanah bagi maksud meletak tanda sempadan tersebut dan boleh menebang dan membuang sebarang pohon kayu atau tumbohan lain yang mungkin menghalang sebarang garis pengukoran atau sebarang sempadan dengan menyebabkan kerosakan yang seberapa sedikit yang mungkin dengan melakukan sedemikian:

Dengan sharat bahawa tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini boleh mengechualikan juru ukor yang berlesen sademikian atau penolong2-nya dari tanggongan terhadap sebarang kerrosakan yang dia mungkin menyebabkan pada menjalankan kuasa2 yang di-berikan oleh cheraian ini.

(5) Bagi maksud mendapatkan butir2 (data) untuk sasuatu pengukoran geran, sa-

saorang juru ukur tanah yang berlesen boleh pada bila2 masa yang munasabah di-benarkan memeriksa peta2 dan pelan2 yang berkenaan di-Jabatan Ukur dan membuat salinan2 mengenai sasatu ma'alumat daripada-nya yang mungkin di-kehendaki-nya tanpa pembayaran bayaran2 pemerkasaan:

Dengan sharat bahawa dia ada-lah, dengan kuatkuasa Undang2 ini, bertanggong-jawab untuk memberi jaminan ganti-rugi kepada Kerajaan dengan saperombahan-nya lagi berkesan berhabbit dengan apa jua kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang dilakukan oleh atau bagi pehak Kerajaan dengan sebab sebarang kehilangan atau kerosakan kepada mana2 peta atau pelan tersebut yang berlaku pada bila2 masa tatkala peta2 dan pelan2 itu di-bawah kawalan-nya.

**Penyimpanan
pelan2
pengukoran.**

9. Satelah selesai sasatu pengukoran geran, juru ukur tanah yang berlesen yang menanda-tangani pelan pengukoran geran itu hendak-lah menyimpan pelan tersebut bersama2 dengan buku2 kerja (field books), kertas2 pengiraan dan butir2 (data) pengukoran yang berkenaan di-Jabatan Ukur dan semua dokumen tersebut ada-lah, jika pelan itu di-benarkan oleh Juru Ukur Agong atau pegawai yang dilantek oleh-nya untuk membenarkan pelan tersebut bagi pehak-nya, menjadi milik Kerajaan dan hendak-lah di-simpan sebagai rekod2 pengukoran yang kekal.

**Kebenaran
bagi
pengukoran2
geran.**

10. Tiada sebarang pengukoran geran atau pelan pengukoran geran boleh di-terima atau dipakai bagi maksud sebarang undang2 bertulis melainkan ia-nya telah di-benarkan oleh Juru Ukur Agong atau pegawai lain yang dilantek oleh-nya untuk membenarkan pelan2 pengukoran bagi pehak-nya.

**Pembetulan
kesilapan2.**

11. (1) Juru Ukur Agong atau mana2 juru ukur Kerajaan yang di-beri kuasa oleh-nya boleh pada

bila2 masa menjalankan pemereksaan di-luar dan di-dalam pejabat ka-atas kerja pengukoran geran oleh juru ukor tanah yang berlesen yang di-fikirkan-nya patut.

(2) Juru Ukor Agong atau orang lain yang di-beri kuasa oleh-nya untuk membenarkan pelan2 pengukoran, boleh dengan notis bertulis mengarahkan mana2 juru ukor tanah yang berlesen supaya membetulkan dengan perbelanjaan-nya sendiri dalam masa yang di-tetapkan dalam notis itu sebarang kesilapan2 yang telah di-lakukan oleh-nya:

Dengan sharat bahawa notis sademikian hendak-lah di-kirimkan tidak lewat dari dua belas bulan salepas tarikh pelan pengukoran yang berkenaan itu di-simpan di-Jabatan Ukor sebagaimana yang di-persharatkan dalam bab 9.

(3) Sekira-nya juru ukor tanah yang berlesen itu enggan atau lalai untuk membetulkan kesilapan2 sademikian dalam masa yang di-tetapkan maka ada-lah sah di-sisi undang2 bagi Juru Ukor Agong untuk melakukan pembetulan itu dan mendapatkan kembali kesemua perbelanjaan pembetulan tersebut daripada juru ukor tanah yang berlesen yang berkenaan.

(4) Jika juru ukor tanah yang berlesen itu enggan atau lalai untuk membayar kembali perbelanjaan pembetulan pengukoran yang di-sebutkan dalam cheraian (3) dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan penyata perbelanjaan maka Juru Ukor Agong boleh melaporkan hal itu kepada Lembaga untuk tindakan tata-tertib dan satelah di-jalankan penyiasatan maka Lembaga boleh memerentahkan juru ukor tanah yang berlesen itu membayar perbelanjaan pembetulan kerja atau membayar pelanggan-nya sa-jumlah wang sebagai ganti-rugi sebanyak yang Lembaga fikirkan patut; dan jika juru ukor tanah yang berlesen itu enggan atau lalai mematohi perentah

sademikian dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan tersebut maka Lembaga boleh, teratakan alok kapada sharat2 bab 13, menggantong juru ukor tanah yang berlesen itu daripada menjalankan tugas sebagai juru ukor tanah yang berlesen sahingga perbelanjaan pembetulan pengukoran itu telah di-bayar, atau selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

Kuasa2
tatatertib
Lembaga.

12. Jika satelah di-jalankan penyiasatan oleh Lembaga, sa-saorang juru ukor tanah yang berlesen telah di-dapati oleh Lembaga bersalah kerana berkelakuan salah segi professional, atau telah di-dapati thabit kesalahan melakukan sasuatu kesalahan jenayah, ada-lah di-dapati oleh Lembaga tidak layak untuk menjalankan tugas, Lembaga boleh —

- (a) memotong nama juru ukor tanah yang berlesen itu dari Daftar; atau
- (b) menggantong juru ukor tanah yang berlesen itu dari menjalankan tugas juru ukor tanah yang berlesen selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun; atau
- (c) mengenakan denda keatas juru ukor tanah yang berlesen itu sebanyak yang tidak melebihi seribu ringgit; atau
- (d) memberi amaran kapada juru ukor tanah yang berlesen itu.

Rayuan kapada
Sultan dalam
Majlis
Mashuarat.

13. (1) Sesiapa jua yang tidak puas hati dengan sebarang penolakan oleh Lembaga terhadap sasuatu permohonan di-bawah bab 6(3) atau dengan apa jua keputusan Lembaga dibawah bab 11(4) atau 12 boleh, dalam tempoh satu bulan dari tarikh penolakan atau keputusan sademikian, merayu kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat terhadap penolakan atau keputusan tersebut.

(2) Mengenai apa juu rayuan sademikian Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh memberi-

kan sasuatu keputusan dan arahan dalam perkara itu sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat memikirkan patut.

(3) Sultan dalam Majlis Mashuarat tidak-lah di-kehendaki memberi sebarang sebab ter-hadap sebarang keputusan atau arahan di-bawah cheraian (2) dan keputusan2 dan arahan2 itu tidak-lah terta'alok kapada rayuan atau di-kaji semula di-dalam mana2 Mahkamah.

Amalan yang menyalahi undang2.

14. Sesiapa jua yang, bukan-nya juru ukor tanah yang berlesen atau juru ukor Kerajaan, mengsa-kan ketetapan mana2 pengukoran geran atau menanda-tangani atau memarap mana2 pelan pengukoran atau, yang bukan sa-saorang yang bertindak di-bawah arahan dan pengawasan sa-saorang juru ukor tanah yang berlesen sendiri dengan sechara langsung menjalankan sebarang kerja yang berkaitan dengan sasuatu pengukoran geran ada-lah bersalah terhadap undang2 ini dan boleh di-kenakan hukum denda yang tidak melebahi lima ribu ringgit bagi tiap2 kesalahan dan hukum denda selanjutnya sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap2 hari semasa terus melaku-kan kesalahan tersebut.

Peratoran2.

15. (1) Terta'alok kapada sharat2 Undang2 ini, Lembaga boleh membuat peratoran2 untuk men-entukan apa jua pun yang di-bawah Undang2 ini perlu di-tentukan dan pada ‘am-nya untuk melak-sanakan maksud2 Undang2 ini.

(2) Khusus-nya dan dengan tidak menyentoh keluasan maksud sharat2 sabelum ini, peratoran2 tersebut boleh —

- (a) mengator tugas dan kelakuan juru2 ukor tanah yang berlesen;
- (b) menetapkan bayaran2 bagi pen-daftaran, lesen2 tahunan dan maksud2 lain di-bawah Undang2 ini; dan

- (c) menentukan borang2 permohonan dan bentok lesen tahunan.

JADUAL PERTAMA

Bab 4

DAFTAR JURU2 UKOR TANAH YANG BERLESEN

Nama Penoh	Alamat	Tarikh Pendaftaran	Kelayakan

JADUAL KEDUA

Bab 6(4)

Saya, dengan sesunggoh-nya dan tulus ikhlas mengaku bahawa saya akan dengan segala daya upaya saya, tanpa pehak memehak, mengukor dan menggariskan dengan betul-nya sempadan2 sebarang tanah yang mungkin saya di-arahkan untuk mengukor, dengan betul2 mematohi peratoran2 dan arahan2, yang berkuatkuasa pada masa itu, daripada Lembaga yang di-tubohkan oleh Undang2 Juru Ukor Tanah Yang Berlesen, 1979.

Di-tanda-tangani dan di-akui dengan sesunggoh-nya oleh nama tersebut di atas pada haribulan 19

} Tanda-tangan Pembuat Akuan

Di-hadapan saya,

Pendaftar Juru2 Ukor Tanah Yang Berlesen.

Di-luluskan pada 31 haribulan Disember, 1979.

(DATO PADUKA JUDIN ASAR)

*Jurutulis,
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.*